



## **SIARAN AKHBAR**

### **MAJLIS PELANCARAN ZOOM! TAMAN TAMADUN ISLAM**

YB Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, Menteri Pelancongan Malaysia merasmikan ZOOM! Taman Tamadun Islam pada 15 Januari 2009 di Taman Tamadun Islam, Pulau Wan Man, Kuala Terengganu, Terengganu. Majlis pelancaran tersebut turut disaksikan oleh Menteri Besar Terengganu, YAB Dato' Ahmad Said.

Penganjuran majlis ini bertujuan memberi fokus kepada Taman Tamadun Islam sebagai sebuah destinasi pelancongan terpilih. Taman seluas 23 hektar ini merupakan taman tema pertama yang mempamerkan kegemilangan tamadun Islam dan kehebatan serta keindahan seni reka bentuk tamadun Islam terdahulu.

Acara ZOOM! Taman Tamadun Islam ini dijangka menjadi tarikan kepada masyarakat tempatan dan juga para pelancong asing. Di samping itu, ia juga dapat mempromosi negeri Terengganu sebagai destinasi pelancongan yang popular di Malaysia.

Acara ZOOM! Taman Tamadun Islam ini merupakan satu lagi acara susulan daripada kempen ZOOM! Malaysia yang dilancarkan pada 14 Mei 2008. Penganjuran acara ini adalah selaras dengan tujuan kerajaan untuk merangsang pertumbuhan pelancongan domestik dan seterusnya menanam budaya melancong di dalam negeri di kalangan rakyat Malaysia.

## **ZOOM! MALAYSIA:**

Kempen ZOOM! Malaysia telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 14 Mei 2008 bagi memperkenalkan destinasi pelancongan secara lebih fokus.

Setakat ini, kempen ZOOM! Malaysia telah dilancarkan di pelbagai destinasi di Malaysia seperti Desaru di Johor, Pusat Perlindungan Gajah Kuala Gandah dan Cameron Highlands di Pahang, Muzium Tentera Darat Negeri Sembilan, Tapak Warisan Dunia di Pulau Pinang dan Rainforest Discovery Centre di Sandakan, Sabah.

Ia merupakan salah satu usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi pertumbuhan industri pelancongan domestik. Di samping menggalakkan integrasi nasional, kempen tersebut menggalakkan aktiviti percutian dalam negara sendiri secara terancang di kalangan rakyat Malaysia. Kempen ini juga dapat mengeratkan kerjasama di antara ahli-ahli sektor awam dan swasta dalam mempromosi produk dan tarikan pelancongan serta acara-acara khas.

Penekanan terhadap pelancongan domestik ini juga bertujuan untuk mengurangkan aktiviti pelancongan rakyat Malaysia ke luar negara. Ia akan mengimbangi pengaliran wang keluar negara dan mengurangkan kesan kemelesatan ekonomi global.

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Pengarah Bahagian Pemasaran Domestik dan Singapura, Tourism Malaysia, Tel: 03-2615 8188; Faks: 03-2693 5406 atau Emel: [enq-domesticpromotion@tourism.gov.my](mailto:enq-domesticpromotion@tourism.gov.my).*

---

Dikeluarkan oleh: Bahagian Komunikasi dan Publisiti, Tourism Malaysia

Tarikh: 15 Januari 2009

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pn. Mazita Johari di talian 03-2615 8188

atau emel: [mazita@tourism.gov.my](mailto:mazita@tourism.gov.my)

Laman Web: [www.tourism.gov.my](http://www.tourism.gov.my)